

12/10/1999

Laporan pencemaran Sungai Sepang diserahkan kepada Kabinet

BUKTI JALIL, Isnin - Laporan terkini pencemaran Sungai Sepang dijangka diserahkan kepada jemaah menteri tidak lama lagi, kata Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar, Rosnani Ibrahim.

Katanya, jabatan itu sudah mengambil langkah serta tindakan sewajarnya untuk menangani isu berkenaan dan akan memberi maklum balas terkini melalui Menterinya, Datuk Law Hieng Ding.

"Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dijangka memberi maklum balas mengenai pencemaran sungai itu tidak lama lagi, mungkin Rabu ini," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas teguran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada mesyuarat Kabinet baru-baru ini berikutan pencemaran teruk Sungai Sepang.

Dr Mahathir mengesan pencemaran itu ketika dalam penerbangan pulang dari Zimbabwe ke Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, baru-baru ini.

Sungai Sepang adalah antara sungai paling tercemar di negara ini akibat pembuangan sisa babi dari ladang berhampiran.

Rosnani berkata, pihaknya sentiasa berusaha menangani isu pencemaran sungai, malah kementerian setiap tahun melaporkan status kualiti sungai di seluruh negara.

"Kita menyediakan maklumat terkini mengenai kedudukan atau status kualiti air sungai. Kita juga mengenal pasti punca utama yang menyebabkan pencemaran.

"Kita berharap daripada usaha mengenal pasti itu, pihak berkenaan termasuk Jabatan Alam Sekitar akan mengambil dan mengatur program khusus bagi menangani masalah pencemaran itu," katanya.

Mengenai keadaan sebenar kualiti sungai di negara ini, beliau berkata, ia tidak begitu teruk tetapi boleh membimbangkan sekiranya tidak ada usaha dilakukan untuk mempertingkatkan kualitinya.

Katanya, ada beberapa sungai yang teruk tercemar dapat dipertingkatkan kepada keadaan yang baik.

"Tidak dapat dinafikan terdapat juga yang teruk mungkin disebabkan bertambahnya punca pencemaran di limbangan sungai dan sebagainya," katanya.

Namun begitu, katanya, jabatan sedang membuat pengawasan rapi terhadap sungai berkenaan bagi mengesan sebarang perubahan mendadak serta sumber baru perubahan untuk mengambil langkah penjagaan tertentu.

(END)